

| | |
|---|--|
| <p>SENARAI PEMBERITAHUAN PRODUK – INSURANS KEBAKARAN (Sila baca Senarai Pemberitahuan Produk ini sebelum anda membuat keputusan mendapatkan <u>Polisi Insurans Kebakaran</u>. Pastikan juga anda membaca terma dan syarat-syarat am yang terkandung di dalam polisi).</p> | <p>Rujukan Kami : 01/01/2010 Nama Penawar Khidmat Kewangan : Uni.Asia General Insurance Bhd. Nama Produk : Polisi Insurans Kebakaran Tarikh :</p> |
|---|--|

1. Apakah yang dimaksudkan dengan produk ini?

Polisi ini menawarkan perlindungan ke atas bangunan anda serta barangan di dalamnya dan melindungi kerugian atau kerosakan disebabkan oleh kebakaran, kilat dan letupan akibat daripada gas yang digunakan untuk tujuan domestik.

2. Apakah perlindungan/manfaat yang ditawarkan?

Polisi ini memberi perlindungan ke atas kerugian atau kerosakan pada bangunan anda disebabkan oleh kebakaran, kilat dan letupan akibat daripada gas yang digunakan untuk tujuan domestik.

Anda boleh melanjutkan perlindungan kepada risiko-risiko berikut dengan membayar premium tambahan:

- Kerugian atau kerosakan pada bangunan anda disebabkan oleh peril yang dinyatakan seperti kerosakan disebabkan oleh kapal terbang, paip atau tangki air yang pecah atau melimpah, angin ribut, gempa bumi dan banjir, penenggelaman, gelinciran tanah, rusuhan, mogok dan kerosakan akibat dari perbuatan jahat.
- Kerosakan akibat daripada asap dan kebocoran pemercik air.

Tempoh perlindungan ialah selama Satu tahun. Anda perlu memperbaharui pelan insurans setiap tahun.

3. Berapakah jumlah premium yang perlu dibayar?

Jumlah premium yang perlu dibayar adalah berdasarkan kepada Tarif Kebakaran Rujuk Semula (RFT). 2 faktor utama yang menentukan jumlah premium ialah jenis pekerjaan serta kelas pembinaan bagi bangunan yang ingin diinsuranskan. Syarikat insurans boleh memilih untuk mengenakan syarat-syarat tertentu berdasarkan kepada garis panduan pengunderaitan dalaman syarikat. Sebagai contoh:

- Perlindungan Asas : Jumlah premium sebanyak RM7,012.50 untuk jumlah yang diinsuranskan sebanyak RM15,000,000 untuk Kelas Pembinaan 1A bagi bangunan pejabat.
- Perlindungan Tambahan : RM6,450.00 (Perlindungan untuk banjir).

Anggaran jumlah premium yang perlu dibayar ialah RM13,462.50

Jumlah bayaran minimum premium kepada Syarikat ialah **RM75.00**.

4. Berapakah bayaran dan caj-caj yang perlu dibayar?

Bayaran dan caj-caj yang perlu dibayar ialah:

| Jenis | Jumlah |
|---|---|
| Komisen yang dibayar kepada agen insurans | 15 peratus daripada jumlah premium |
| Duti Setem | RM10.00 |
| Cukai Perkhidmatan | 5 peratus daripada jumlah premium untuk entiti perniagaan |

5. Apakah terma dan syarat-syarat utama yang perlu diberi perhatian?

Terma dan syarat-syarat utama yang perlu diberi perhatian adalah:

- Tanggungjawab untuk memberitahu** – Anda mesti memastikan semua fakta yang diberikan di dalam borang permohonan adalah lengkap dan tepat.
- Anda mesti memastikan bahawa hartanah anda telah **diinsuranskan pada jumlah yang**

bersesuaian.

- c) Jika berlaku kerugian, pihak kami akan membayar **jumlah yang diinsuranskan atau mengikut harga pasaran hartanah yang diinsuranskan**, yang mana lebih rendah (selain daripada stok dan bangunan).

6. Apakah pengecualian utama bagi polisi ini?

Polisi ini tidak memberi perlindungan ke atas kerugian tertentu, contohnya:

- Kerugian / kerosakan disebabkan oleh peperangan, aktiviti penganas, pencemaran radioaktif dan letupan sonik.
- Kerugian disebabkan kecurian ketika atau selepas berlakunya kebakaran.
- Barangan yang diamanahkan atau dalam bidang kuasa pihak tertentu adalah tidak dilindungi melainkan diterangkan secara khusus di dalam polisi.

(Nota : Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk pada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian bagi polisi ini.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya dan bagaimanakah caranya?

Anda boleh membatalkan polisi anda bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada syarikat kami. Setelah pembatalan dibuat, anda layak menerima bayaran balik premium berdasarkan kadar jangkamasa pendek, di mana sebarang bayaran minimum premium bagi polisi tidak akan menerima bayaran balik.

8. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan pada maklumat surat-menyurat saya?

Adalah penting anda memberitahu kami sebarang perubahan pada maklumat surat-menyurat anda. Ini adalah untuk memastikan bahawa semua urusan surat-menyurat dapat diterima dalam masa yang ditetapkan.

9. Dimanakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut, sila rujuk pada naskhah *insuranceinfo* berkenaan 'Insurans Kebakaran', yang boleh didapati di semua pejabat cawangan kami. Anda juga boleh mendapatkan salinan tersebut daripada agen insurans atau layari laman web *insuranceinfo* di www.insuranceinfo.com.my.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi kami di:

Uni.Asia General Insurance Berhad
Tingkat 9, Menara Uni.Asia,
1008, Jalan Sultan Ismail,
50250 Kuala Lumpur.
Talian Bebas Tol: 1-800-888-990
Tel : 03-2693 8111
Faks : 03-2693 0111
www.uniasiageneral.com.my

10. Perlindungan Insurans Kebakaran lain yang boleh didapati:

Perlindungan Insurans Kebakaran lain yang boleh didapati ialah seperti berikut:

- Polisi Kerugian Akibat Kebakaran.
- Polisi Bidang Industri Semua Risiko.
- Bangunan Dalam Pembinaan.
- Insurans Ke Atas Pertumbuhan Pokok.

NOTA PENTING:

ANDA MESTI MEMASTIKAN BAHAWA HARTANAH ANDA DIINSURANSKAN PADA JUMLAH YANG BERSESUAIAN. ANDA DINASIHATKAN MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS SERTA BERBINCANG DENGAN AGEN ATAU MENGHUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang dinyatakan di di dalam senarai pemberitahuan ini adalah sah bermula Januari 2010.